

Budaya menabung membimbangkan

Berita Herian 18/10/2010

Warna Kehidupan

Oleh Rashiqah Ilmi
Abd Rahim
rashiqah@bharian.com.my

BUDAYA menabung di kalangan masyarakat termasuk orang Melayu yang berada pada tahap mem-bimbangkan dan dianggap membebaskan, diburukkan lagi dengan kecenderungan masyarakat yang mem-percayai skim cepat kaya kononnya mampu memberi keuntungan dalam jangka masa singkat.

Kaji selidik terbaru Citibank Bhd berhubung kesedaran perancangan kewangan bagi suku terakhir 2008 menunjukkan hanya dua daripada lima individu atau 39 peratus rakyat negara ini yang mengamalkan budaya menabung secara tekal.

Senario ini pasti memberi kesan negatif khususnya kepada golongan berpendapatan rendah berikutan kos sara hidup yang semakin tinggi dan peningkatan kadar inflasi yang berlaku setiap tahun, sekali gus akan menjejaskan cara hidup mereka pada masa depan.

Tanpa menafikan sebahagian besar tabungan di negara ini melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sedikit sebanyak membantu individu meneruskan hidup selepas bersara, tetapi dengan hanya berbekalkan satu tabungan masih belum cukup untuk menjamin kehidupan mereka pada masa akan datang kerana nilai wang mungkin merosot ekoran masalah inflasi yang menyerang ekonomi negara.

Ini kerana lebih tinggi inflasi, lebih banyaklah susutnya nilai mata wang yang disimpan berbanding melabur dalam keadaan inflasi sifar, keuntungan yang dilabur masih dapat mendatangkan keuntungan.

Justeru, budaya menabung yang dijadikan tabiat dapat menambahkan pendapatan dan simpanan, sekali gus membantu pertumbuhan ekonomi negara dan berupaya mengatasi masalah seperti kemalangan yang membabitkan wang yang banyak.

Penulis buku motivasi kewangan, Sunthara Segar, berkata kesedaran masyarakat tempa-

tan mengenai kepentingan menabung masih berada pada tahap rendah berdasarkan isu kewangan yang sentiasa menjadi masalah utama dalam masyarakat khususnya senario meminjam wang daripada along tanpa memikirkan kesan negatif kepada diri sendiri.

“Berdasarkan senario semasa, budaya menabung semata-mata tidak boleh dianggap sebagai langkah bijak dan memadai, sebaliknya masyarakat perlu menjadikan konsep dan kaedah menabung ini sebagai perdagangan dan pelaburan.

“Usaha menabung hendaklah disepadukan dengan pelaburan bersifat jangka panjang tetapi kesediaan rakyat untuk menabung selalunya bergantung kepada pendapatan bersih yang dimiliki selepas melangsaikan hutang yang perlu dibayar sehingga menyebabkan kecenderungan rakyat untuk menabung lazimnya berlaku sekiranya kadar pendapatan bersih mereka tinggi,” katanya kepada *Sastera* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Justeru, golongan berpendapatan rendah mesti berwaspada dengan penipuan dalam bentuk skim tabungan dan pelaburan, selain perlu bijak memilih pelaburan yang diurus oleh profesional dan menyimpan wang dalam bank sebagai jaminan masa depan.

Beliau berkata, tabungan boleh dibuat melalui pelaburan dalam bentuk insuran dan skim takaful kerana pelaburan sedemikian ibarat menyediakan payung sebelum hujan yang dapat menolong pengguna semasa kece-masan dan ia turut berfungsi

sebagai wang simpanan. Sementara itu, Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kamariah Kamarudin, berkata rakyat negara ini didapati belum bersedia daripada segi kewangan apabila hilang punca pendapatan atau diberhentikan kerja akibat kegawatan ekonomi kerana kebanyakannya memandang ringan terhadap kepentingan menabung.

Justeru, beliau menyarankan budaya menabung diterapkan dalam masyarakat khususnya golongan Melayu yang kurang memberi perhatian terhadap amalan itu untuk memberikan jaminan keselamatan dan ganjaran yang sewajarnya.

“Orang ramai perlu sedar bahawa pengurusan kewangan yang baik bukan bermakna membina kekayaan, tetapi penghidupan selesa dengan jaminan kewangan, kualiti hidup yang lebih baik, rasa optimis terhadap masa depan dan bersedia untuk menghadapi cabaran hidup.

“Sebagai jaminan masa depan sendiri dan keluarga, setiap anggota masyarakat perlu merangka perancangan kewangan yang tersusun bagi membantu mereka mengharungi tempoh kelem-bapan ekonomi,” katanya.

Dr Kamariah berkata, sarjana dan pemikir ekonomi serta kewangan negara seharusnya membantu masyarakat untuk memikirkan bagaimana wang simpanan dan tabungan rakyat dapat dilabur dan memberikan pulangan yang lumayan kepada penabung.




“Budaya menabung wajar diterapkan dalam masyarakat khususnya golongan Melayu yang kurang memberi perhatian terhadap amalan itu untuk memberikan jaminan keselamatan dan ganjaran yang sewajarnya”

Dr Kamariah Kamarudin
Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM



“Budaya menabung semata-mata tidak boleh dianggap sebagai langkah bijak dan memadai, sebaliknya masyarakat perlu menjadikan konsep dan kaedah menabung ini sebagai perdagangan dan pelaburan”

Sunthara Segar
Penulis buku motivasi kewangan



Kesian aku tengok si mamat tu. Terkial-kial nak cari biaya anak nak sambung belajar di universiti.

Dah silap rancang tu. Kalau dari awal dia menabung tak le susah. ASB ada, Tabung Haji ada, Polisi Pendidikan pun ada.

Betul tu. Sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Kita tak sakit, anak tak susah hati.